

Inisiatif mesra guru

KPM perkenal intervensi termasuk catat kedatangan pelajar secara elektronik

Garret Dawum
garret@hmetro.com.my

Serdang

Sistem Kehadiran Murid dalam talian yang merekodkan kedatangan murid antara intervensi diperkenalkan Kementerian Pendidikan dalam usaha mengurangkan beban guru.

Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik berkata, perkara itu selaras dengan permohonan tugas perkeranian guru berkuat kuasa Januari ini dan guru tidak lagi perlu mengisi buku Jadual Kedatangan Murid.

"Antara usaha ingin diperkenalkan adalah dengan mengambil gambar murid di dalam kelas dan rekod menerusi sistem dalam talian. Teknologi menyaksikan penggunaan sistem 'pengecaman wajah' yang lazimnya wujud dalam telefon pintar, justeru, kita sedang meneliti kemungkinan menggunakan

kan pendekatan ini, namun bukan jangka pendek.

"Perkara ini masih belum ditentukan pelaksanaannya sebagai sistem untuk merekod kehadiran murid. Itu hanya imaginasi saya di masa depan dan ia tidak akan dilaksanakan sekarang," kata dia selepas menyampaikan amanat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertemakan Pendidikan Untuk Semua di Universiti Putra Malaysia (UPM) semalam.

Pada majlis itu, lebih 3,000 orang terdiri daripada warga kementerian, agensi dibawah kementerian, pemimpin industri, pertubuhan bukan kerajaan dan exco pendidikan kerajaan negeri hadir mendengar pembentangan hala tuju Kementerian Pendidikan.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching; Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Datuk Dr Mohd Gazali Abas; Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr Amin Senin dan Ketua Pen-



DR Maszlee (tiga dari kanan) ketika majlis Amanat YB Menteri Pendidikan Tahun 2019 di Dewan Besar UPM.

garah Pendidikan Tinggi Datuk Dr Siti Hamisah Tapsir.

Selain intervensi itu, Maszlee turut mengumumkan lapan intervensi lain menerusi lima inisiatif iaitu me-

mudahkan pengurusan fail dan dokumentasi, pengurusan data dan sistem dalam talian, sekolah merangka sendiri pelaksanaan Literasi dan Numerasi (LINUS) yang

bersesuaian dengan keperluan murid, penyeragaman borang dan proses pemantauan serta penyelarasan pertubuhan jawatankuasa di peringkat sekolah.

INTERVENSI MENGURANGKAN BEBAN GURU

INISIATIF PERTAMA ✓ Memudahkan pengurusan fail dan dokumentasi; <ul style="list-style-type: none"> • Skim Pinjaman Buku Teks • Fail panitia • Pelaporan Pantaksiran Bilik Darjah 	INISIATIF KEDUA ✓ Pengurusan data dan sistem online; <ul style="list-style-type: none"> • Pengumpulan dan perolehan data sekolah, guru dan murid hendaklah diambil dari sumber data sedia ada dalam kementerian. • Sistem Kehadiran Murid dalam talian dilaksanakan dan guru tidak perlu mengisi buku Jadual Kedatangan Murid. 	INISIATIF KETIGA ✓ Sekolah merangka sendiri program Literasi dan Numerasi (LINUS) yang sesuai dengan keperluan murid.	INISIATIF KEEMPAT ✓ Penyeragaman borang dan proses pemantauan. <ul style="list-style-type: none"> • Pengusaha kantin dikehendaki mengisi Borang Penarafan Kendiri Kantin dan pengesahan dibuat oleh Penolong Kanan Hal Ehwal Murid. • Borang Prestasi Perkhidmatan Kontraktor Pembersihan dan Keselamatan diuruskan oleh kontraktor dan dikawal selia serta disahkan oleh Pengetua/Guru Besar atau Penolong Kanan. 	INISIATIF KELIMA ✓ Memansuhkan jawatankuasa yang tidak berkaitan dengan tugas mendidik. Hanya Jawatankuasa Kurikulum Sekolah dikekalkan bagi memantau pembelajaran, sahsiah, keselamatan dan kesihatan murid.
--	---	---	--	---